

**HUTAN BANDAR SEBAGAI TAMAN REKREASI DI KAWASAN
PERUMAHAN**

ZALEHA BINTI ABU BAKAR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

HUTAN BANDAR SEBAGAI TAMAN REKREASI DI KAWASAN
PERUMAHAN

ZALEHA BINTI ABU BAKAR

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains
(Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2010

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Setinggi-tinggi rasa kesyukuran ke hadirat Allah s.w.t. di atas nikmat
& rahmatNya yang tidak terhingga.

Kepada kedua ibu bapaku yang tersayang,
abah **Abu Bakar Bin Abdul Jamal**, emak **Rajemah Binti Ismail**,
terima kasih kerana mengajar erti kehidupan dan atas jasa & pengorbanan kalian selama ini.
Tanpa dorongan & sokongan yang diberikan tidak mungkin
anakmu ini akan berada di tahap kini.

Kepada dua orang kakakku **Asmiza** dan **Rafedah**, abang **Hairi**, dan
adik-adikku **Mohamad Salehin** dan **Siti Aida** serta ahli keluarga yang lain
terima kasih atas dorongan & rangsangan hidup yang diberikan
dalam usaha mencapai cita-cita dan impian yang dibina.

Kepada pensyarah-pensyarah yang dikasihii
terima kasih atas didikan & ilmu yang dicurahkan kepada anak didikmu ini.
Jasa & pengorbananmu akan ku kenang selama-lamanya.

Kepada rakan-rakan seperjuangan (4 SGT)
terima kasih atas dorongan & bantuan yang dihulurkan.
Teruskan usaha dalam menggapai impian yang dicita-citakan.
Semoga persahabatan yang terjalin ini akan berkekalan untuk selama-lamanya.

TERIMA KASIH

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Syukur Alhamdulillah diatas taufik, hidayah dan segala limpah kurniaNya dapat saya menyiapkan Projek Sarjana Muda ini dengan jayanya.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Maslinda Abd. Latiff selaku penyelia saya diatas bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat sepanjang penghasilan tesis ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Puan Norhidayah Binti Md. Yunus selaku panel kedua saya yang telah memberi pandangan serta teguran yang membina sepanjang penulisan ini.

Ucapan terima kasih juga kepada Encik Razani Bin Ab Rahim dan Cik Robiah Haji Suratman sebagai Penyelaras Projek Sarjana Muda ini serta Dr. Khadijah Binti Hussin selaku Penasihat Akademik saya di atas segala nasihat dan pandangan yang diberikan. Sekalung penghargaan juga kepada semua pensyarah Jabatan Pentadbiran dan Pembangunan Tanah di atas ilmu yang dicurahkan.

Penghargaan ini juga saya rakamkan kepada semua pegawai dan kakitangan pihak MPJBT di atas keizinan dalam mendapatkan maklumat bagi melicinkan perjalanan penulisan tesis ini. Saya rakamkan juga ucapan terima kasih kepada pengunjung Hutan Bandar MPJBT di atas kesudian mereka meluangkan masa bagi menjawab soalan soal selidik yang disediakan.

Akhir sekali buat rakan-rakan seperjuangan yang turut sama membantu dan memberikan semangat ketika saya bertungkus-lumus menyiapkan tesis ini.

Semoga kerjasama yang diberikan oleh kalian semua, membolehkan saya mencapai kejayaan yang selama ini menjadi impian saya. Hanya Allah SWT yang dapat membalasnya.... insyaAllah....

ABSTRAK

Hutan bandar merupakan salah satu kawasan rekreasi awam yang dibangunkan oleh PBT di kawasan pentadbirannya. Jika sebelum ini lokasi hutan bandar terletak di kawasan bandar namun pada hari ini, terdapat satu konsep hutan bandar yang telah dibangunkan di kawasan taman perumahan. Hutan Bandar ini adalah salah satu taman rekreasi awam yang menjadi tumpuan masyarakat masa kini bagi tujuan beriadah dan berehat samada bersama ahli keluarga, rakan mahupun secara individu. Kajian yang dijalankan adalah tertumpu kepada pembangunan hutan bandar sebagai satu kawasan rekreasi di dalam kawasan taman perumahan serta mengenalpasti keperluan dan pandangan pengunjung terhadap kemudahan dan aktiviti yang terdapat di taman rekreasi ini. Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu pertama untuk mengenalpasti konsep hutan bandar sebagai taman rekreasi dan objektif kedua iaitu mengenalpasti reaksi pengunjung terhadap penyediaan kemudahan rekreasi di Hutan Bandar MPJBT ini. Bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan ini, penulis telah mengedarkan borang soal selidik kepada pengunjung di kawasan kajian. Sebanyak 100 set borang telah diedarkan kepada pengunjung yang dipilih secara rawak. Maklumat yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan kaedah Analisis Statistik Kekeperluan dan Analisis Penskalaan Likert untuk memperolehi hasilnya dengan menggunakan perisian SPSS. Hasil dari kajian ini didapati konsep hutan bandar ini berbeza dengan kawasan rekreasi sedia ada di dalam sesebuah kawasan taman perumahan. Selain itu juga, hasil daripada kajian yang telah dijalankan didapati masih terdapat kekurangan terhadap kemudahan dan aktiviti yang disediakan di kawasan kajian ini. Oleh itu, beberapa cadangan telah dikemukakan di akhir bab ini untuk kegunaan pihak pengurusan hutan bandar bagi memenuhi segala kehendak dan keperluan orang ramai.

ABSTRACT

Urban Forest is one of public recreation areas developed by the Local Authority in the administration. The previous location of forest areas located in urban areas but in this day, there is a concept of urban forest that has been developed in the housing areas. Urban Forest is one of the public recreational parks become the focus of society for the purpose of the present exercise and rest, either with family members, friends or individually. Studies carried out are focused on the development of urban forest as a recreational park in residential areas and identify the needs and views of visitor facilities and activities available at this recreation park. The study was conducted to achieve the objectives of the study was the first to identify the concept of urban forest as a recreational park and the second objective, to identify the visitors reaction on the recreational facilities at MPJBT Urban Forest. To achieve the objectives, the authors have been distributing questionnaire forms to visitors in the study. Some 100 sets of forms were distributed to randomly selected visitors. The information obtained was analyzed using the methods Analysis Frequency Statistics and Analysis Scaling Likert for obtains the result by using SPSS software. The findings from this study found the concept of urban forest as a recreation area is different from the existing park in a residential area. In addition, findings from this study found there is still a lack of facilities and activities in this study. Therefore, several recommendations have submitted at the end of this chapter for the management of forest areas to meet all the requirements and needs of the public.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	<i>ABSTRACT</i>	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI FOTO	xiii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
1	Pengenalan	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Penyataan Masalah	3
	1.3 Matlamat Kajian	5
	1.4 Objektif Kajian	5
	1.5 Skop Kajian	6
	1.6 Kepentingan Kajian	7
	1.7 Metodologi Kajian	8
	1.7.1 Peringkat Pertama	8
	1.7.2 Peringkat Kedua	9
	1.7.3 Peringkat Ketiga	9
	1.7.4 Peringkat Keempat	10
	1.7.5 Peringkat Kelima	10

1.8	Susun Atur Bab	12
2	KONSEP HUTAN BANDAR SEBAGAI TAMAN REKREASI	
2.1	Pendahuluan	13
2.2	Definisi Kawasan Lapang	14
	2.2.1 Dasar Penyediaan Kawasan Lapang	15
2.3	Definisi Rekreasi	17
	2.3.1 Jenis Taman Rekreasi Di Kawasan Perumahan	18
2.4	Pengenalan Hutan	19
	2.4.1 Peranan Hutan Dalam Kemajuan Kehidupan Manusia	20
2.5	Konsep Hutan Bandar	21
	2.5.1 Definisi Hutan Bandar	22
	2.5.2 Fungsi Dan Peranan Hutan Bandar	23
	2.5.3 Kebaikan Pembangunan Hutan Bandar	24
	2.5.4 Kemudahan-Kemudahan yang terdapat di Hutan Bandar	26
	2.5.5 Fungsi Tumbuhan Kepada Manusia	30
2.6	Rumusan	32
3	MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH	
3.1	Pendahuluan	34
3.2	Latar Belakang Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	35
3.3	Jabatan Landskap Dan Rekreasi	37
	3.3.1 Objektif Jabatan Landskap Dan Rekreasi	37
	3.3.2 Peranan Jabatan Landskap Dan Rekreasi	38
	3.3.3 Carta Organisasi Jabatan Landskap Dan Rekreasi	39
3.4	Pengenalan Mutiara Rini	40
3.5	Kawasan Kajian Hutan Bandar MPJBT	41
	3.5.1 Objektif Pembangunan Hutan Bandar MPJBT	43

3.5.2	Konsep Dan Rekabentuk Hutan Bandar MPJBT	44
3.5.3	Pembangunan Hutan Bandar MPJBT	46
3.5.4	Pengurusan Dan Penyelenggaraan Hutan Bandar MPJBT	47
3.5.5	Kemudahan-Kemudahan Di Kawasan Hutan Bandar MPJBT	48
3.5.6	Aktiviti-Aktiviti Yang Telah Dijalankan Di Hutan Bandar MPJBT	48
3.6	Rumusan	50
4	ANALISIS KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	52
4.2	Kaedah Pengumpulan Data	53
4.3	Format Borang Soal Selidik	54
4.4	Kaedah Penganalisan Data	55
4.4.1	Kaedah Analisis Statistik Keperluan	55
4.4.2	Kaedah Analisis Diskriptif Berdasarkan Skala Likert	56
4.5	Analisis Hasil Kajian	57
4.5.1	Analisis Demografi Pengunjung	58
4.5.2	Analisis Reaksi Pengunjung	62
4.5.2.1	Kaedah Keperluan	63
4.5.2.2	Kaedah Skala Likert	66
4.5.3	Analisis Pandangan Pengunjung	73
4.6	Penemuan Kajian	75
4.7	Rumusan	77
5	CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Pendahuluan	79
5.2	Pencapaian Objektif	80
5.2.1	Pencapaian Objektif Pertama : Mengenalpasti Konsep Hutan Bandar	

	Sebagai Taman Rekreasi	80
5.2.2	Pencapaian Objektif Kedua : Mengenalpasti Reaksi Pengunjung Terhadap Penyediaan Kemudahan Rekreasi Di Hutan Bandar MPJBT	81
5.3	Cadangan Kajian	82
5.3.1	Menambah Ruang Tempat Letak Kenderaan	83
5.3.2	Menambah Wakaf Atau Kerusi Sebagai Tempat Berehat	84
5.3.3	Mempertingkatkan Tahap Kebersihan Hutan Bandar MPJBT	84
5.3.4	Mengadakan Program Atau Aktiviti Yang Menarik	87
5.3.5	Mempertingkatkan Tahap Keselamatan	87
5.3.6	Penyediaan <i>Bus Stop</i>	88
5.3.7	Penyediaan Satu Tempat Khas Berniaga	89
5.3.8	Penyediaan Surau	90
5.3.9	Menambah Tandas	90
5.3.10	Memperbesarkan Label Nama-Nama Pokok	90
5.4	Permasalahan Kajian	91
5.5	Limitasi Kajian	92
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	93
5.7	Kesimpulan	94

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Nisbah Keluasan Kawasan Tanah Lapang Awam Kepada 1,000 Penduduk	18
3.1	Info Kawasan Pentadbiran MPJBT	36
3.2	Senarai Pokok Yang Ditanam Di Hutan Bandar MPJBT	45
4.1	Bahagian dan Struktur Borang Soal Selidik	54
4.2	Skala Tahap Kepuasan	57
4.3	Skor Min Bagi Pandangan Responden Terhadap Keadaan Persekitaran Di Hutan Bandar MPJBT	66
4.4	Pembentukan Julat Indeks Mengikut Skala	68
4.5	Darjah Pandangan Responden Terhadap Keadaan Persekitaran Di Hutan Bandar MPJBT	68
4.6	Skor Min Bagi Pandangan Responden Terhadap Kemudahan Yang Disediakan Di Hutan Bandar MPJBT	69
4.7	Pembentukan Julat Indeks Mengikut Skala	71
4.8	Darjah Pandangan Responden Terhadap Kemudahan Yang Disediakan Di Hutan Bandar MPJBT	71
4.9	Pandangan Responden Berkaitan Dengan Kemudahan dan Aktiviti	73
4.10	Pandangan Responden Untuk Datang Ke Hutan Bandar MPJBT Pada Masa Akan Datang	73
4.11	Pandangan Responden Berkaitan Fasa Keempat Pembangunan Hutan Bandar MPJBT	74

4.12	Pandangan Responden Terhadap Hutan Bandar MPJBT Yang Disediakan Di Kawasan Perumahan	74
------	---	----

SENARAI FOTO

NO. FOTO	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	35
3.2	Kawasan Pentadbiran MPJBT	36
3.3	Kawasan Mutiara Rini	40
3.4	Hutan Bandar MPJBT Mutiara Rini	41
3.5	Elemen-elemen Dataran Sekapur Sireh	42
3.6	Perspektif Cadangan Dataran Sekapur Sireh	42
3.7	Konsep Yang Diterapkan Dalam Pembangunan Hutan Bandar MPJBT	44
3.8	Sambutan Hari Landskap Negara dan Festival Taman Malaysia Johor 2009	49

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Carta Aliran Kajian	11
3.1	Carta Alir Organisasi Jabatan Landskap dan Rekreasi	39
3.2	Komponen-komponen Pembangunan Hutan Bandar MPJBT	46
4.1	Jantina Responden Di Hutan Bandar MPJBT	58
4.2	Bangsa bagi Responden di Hutan Bandar MPJBT	59
4.3	Kategori Umur Responden di Hutan Bandar MPJBT	59
4.4	Taburan Pekerjaan Responden	60
4.5	Status Perkahwinan Responden	61
4.6	Kawasan Tempat Tinggal	61
4.7	Tujuan Utama Berkunjung Ke Hutan Bandar MPJBT	63
4.8	Kekerapan Mengunjungi Hutan Bandar MPJBT	64
4.9	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Responden Datang Ke Hutan Bandar MPJBT	65

SENARAI SINGKATAN

MPJBT	-	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
SPSS	-	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
A	Borang Soal Selidik
B	Senarai Nama-Nama Pokok Di Hutan Bandar MPJBT
C	Keratan Akhbar
D	Gambar Kawasan Kajian
E	Hasil Analisis Menggunakan <i>SPSS</i>

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kawasan rekreasi merupakan satu elemen yang penting terutama sekali di kawasan perumahan. Usaha kerajaan yang mewajibkan setiap projek perumahan mempunyai taman rekreasi merupakan satu langkah yang bijak kerana dengan adanya taman rekreasi ini dapat mewujudkan kehidupan yang sihat, selesa dan harmoni. Di samping itu, kawasan-kawasan hijau yang dilandskapkan serta diselenggarakan dengan sempurna akan mempertingkatkan lagi kualiti persekitaran kawasan perumahan.

Kawasan rekreasi adalah tempat yang disediakan untuk menjalankan aktiviti rekreasi, iaitu rekreasi aktif atau pasif. Menurut Allan (1976) dalam Faizatul Marsyida (2000), rekreasi adalah berasal daripada perkataan latin iaitu '*recretio*' yang bermaksud menyegarkan atau mengembalikan kesihatan dan dalam Faizatul Marsyida (2000) juga A.Buchers (1984), pula menyatakan perkataan rekreasi adalah dari perkataan '*re-create*' yang bermaksud untuk membuat semula, membaharui, menyegarkan atau membangunkan semula.

Kawasan rekreasi yang terdiri daripada pelbagai taman riadah berasaskan konsep rangkaian taman riadah awam adalah dibawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Namun, terdapat juga kawasan rekreasi yang dibangunkan oleh pihak swasta seperti taman tema dan golf iaitu rekreasi swasta yang berbayar. Kebiasaannya taman rekreasi yang ada di kawasan perumahan adalah seperti taman permainan kanak-kanak, padang permainan dan trek jogging. Namun, dapat dilihat sekarang terdapat konsep baru yang dilaksanakan di kawasan perumahan iaitu konsep hutan bandar yang dijadikan sebagai salah satu kawasan rekreasi di dalam kawasan perumahan.

Dalam melahirkan masyarakat yang harmoni, taman rekreasi ini merupakan salah satu elemen yang penting. Hal ini kerana taman rekreasi ini menjadi tempat berkumpul dan mengeratkan lagi hubungan antara jiran tetangga dan sesama ahli keluarga. Selain itu juga, taman rekreasi ini boleh dijadikan tempat menghilangkan penat setelah bekerja. Suasannya yang tenang dengan kehijauan tumbuh-tumbuhan dan tasik di sekitarnya memberikan satu perasaan hening yang diperlukan oleh manusia untuk menghilangkan rasa penat dan mendapatkan ketenangan.

Selain itu, taman rekreasi ini juga dapat mewujudkan kawasan hijau di sesebuah kawasan perumahan. Kawasan hijau ini membuktikan kesegaran dan suasana yang nyaman masih wujud di kawasan perumahan tersebut. Tambahan pula, kawasan perumahan ini akan menjadi lebih menarik jika dilengkapi dengan taman rekreasi di kawasan tersebut. Pemaju yang ingin memasarkan projek perumahan mereka juga boleh menjadikan taman rekreasi ini sebagai unsur penting dalam mengiklankan projek perumahan mereka

1.2 Penyataan Masalah

Hutan bandar merupakan salah satu konsep taman rekreasi yang lazimnya digunakan untuk beriadah. Hutan bandar mengandungi kawasan hijau yang dapat mewujudkan kehidupan bandar yang selesa dan harmoni. Hutan bandar ini kebiasaannya dibangunkan di kawasan-kawasan bandar. Namun, pada hari ini konsep hutan bandar ini telah disediakan di taman-taman kawasan perumahan. Menurut Menteri Besar Johor, Dato' Abdul Ghani Othman dalam ucapannya di Majlis Sambutan Hari Landskap Peringkat Kebangsaan 2009 :

“Setakat ini, satu kawasan di Johor Bahru telah dibangunkan dengan menggunakan konsep Hutan Bandar berkeluasan 20.23 hektar”.

Dalam ucapannya juga beliau menyatakan :

“Terkini, konsep hutan bandar ini turut diaplikasikan di Taman Hutan Bandar Mutiara Rini di bawah kelolaan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT)”.

Oleh itu, dengan ucapan beliau ini menunjukkan bahawa PBT telah mmenitikberatkan keprihatinan terhadap alam sekitar. Hutan Bandar Mutiara Rini ini adalah di bawah tanggungjawab PBT iaitu Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) bagi kawasan Mutiara Rini. Pada asalnya tanah hutan bandar tersebut adalah milik Pemaju Mutiara Rini namun, pihak ini telah menyerahkan tanah tersebut kepada PBT untuk membangunkannya.

Usaha dalam membangunkan kawasan rekreasi hutan bandar ini dijalankan sepenuhnya oleh pihak MPJBT. Segala perancangan di kawasan ini adalah bertujuan

untuk kegunaan orang ramai untuk menjalankan aktiviti riadah di kawasan mereka. Oleh itu, perkara utama dalam melaksanakan pembangunan ini ialah kemudahan yang perlu ada di kawasan rekreasi ini. Antara kemudahan utama di kawasan ini ialah tempat letak kenderaan pengunjung, tempat duduk untuk beristirehat, laluan pejalan kaki atau trek jogging, alat-alat permainan bagi kanak-kanak, tandas serta kemudahan-kemudahan yang lain.

Hutan Bandar MPJBT ini terletak di tepi jalan besar menghala ke Gelang Patah dan berhampiran dengan kawasan Taman Seri Orkid. Di persekitaran hutan bandar ini terdapat beberapa lagi kawasan taman perumahan yang lain seperti Taman Mutiara Rini, Taman Ungku Tun Aminah, Taman Universiti dan lain-lain lagi. Kawasan hutan bandar ini amat luas dan dipenuhi dengan kepelbagaian kemudahan.

Namun demikian, sungguhpun banyak kemudahan telah disediakan tetapi masih kelihatan kenderaan pengunjung yang diletakkan di kawasan hadapan hutan bandar ini iaitu di tepi jalan. Masalah lain juga timbul apabila kawasan lapang yang sepatutnya digunakan untuk beriadah terpaksa digunakan untuk meletakkan kenderaan pengunjung.

Selain itu, persekitaran hutan bandar yang dipenuhi dengan tumbuh-tumbuhan dan mempunyai kawasan landskap yang cantik dapat menarik perhatian orang ramai untuk datang melakukan aktiviti riadah di kawasan ini. Namun, timbul pula masalah lain apabila keadaan persekitaran dipenuhi dengan sampah-sampah di merata-rata tempat. Terutama sekali apabila cuaca berangin, maka ia akan menyebabkan sampah-sampah tersebut berterbangan di seluruh kawasan dan menyebabkan keadaan persekitaran menjadi kotor.

Kawasan hutan bandar yang mempunyai banyak alatan permainan kanak-kanak seperti gelongsor dan buaian yang dapat menarik perhatian kanak-kanak untuk terus mengajak ahli keluarga mereka untuk datang ke taman rekreasi ini. Selain itu

juga, di kawasan ini terdapat alatan senaman untuk kegunaan semua lapisan masyarakat. Namun, kadangkala alatan ini akan mengalami kerosakan dan boleh membahayakan pengunjung apabila menggunakannya.

Oleh itu, dalam kajian ini penulis akan mengenalpasti samada kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak pengurusan di kawasan Hutan Bandar MPJBT ini mencukupi, selesa, selamat ataupun tidak untuk kegunaan orang ramai bagi menjalankan aktiviti riadah. Selain itu juga, bagi menjawab segala persoalan yang timbul ini penulis akan mengkaji fungsi dan peranan hutan bandar ini serta sejauh mana kemudahan yang disediakan di taman rekreasi ini dapat memenuhi segala keperluan pengunjung untuk melakukan aktiviti beriadah, bersenam dan sebagainya.

1.3 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji keperluan hutan bandar sebagai taman rekreasi supaya dapat memberikan kebaikan kepada orang ramai.

1.4 Objektif Kajian

- 1) Menenalpasti konsep hutan bandar sebagai taman rekreasi
- 2) Menenalpasti reaksi pengunjung terhadap penyediaan kemudahan rekreasi di Hutan Bandar MPJBT

1.5 Skop Kajian

Pembangunan hutan bandar sebagai satu kawasan rekreasi kebiasaannya dibangunkan di satu kawasan yang terletak di kawasan bandar. Ia merupakan satu kawasan besar yang mempunyai kepelbagaian kemudahan dan aktiviti yang boleh dijalankan di kawasan ini. Berbeza dengan kawasan rekreasi yang terletak di kawasan perumahan, ia hanya tertumpu kepada satu atau dua kegunaan sahaja iaitu taman permainan atau kawasan lapang. Namun, pada hari ini kita dapat lihat di beberapa kawasan telah dibangunkan satu kawasan rekreasi yang berkonsepkan hutan bandar yang terletak di sesebuah kawasan perumahan.

Beberapa kajian yang lalu diperlukan untuk mengkaji isu yang timbul di hutan bandar iaitu sebagai satu kawasan rekreasi. Kajian ini adalah berkaitan dengan pandangan pengunjung yang datang ke kawasan hutan bandar ini dari segi kemudahan dan keadaan persekitaran hutan bandar tersebut. Sebelum ini, terdapat tajuk yang dikaji oleh pengkaji-pengkaji lain yang berkaitan dengan keperluan kawasan rekreasi kepada orang ramai. Antaranya seperti “Keperluan Kawasan Rekreasi Bagi Bandaraya Johor Bahru” oleh Husaidi Bin Mahali (2001). Kajian tersebut adalah mengkaji samada keperluan dan aktiviti yang disediakan di hutan bandar ini dapat memenuhi keperluan pengunjung ataupun tidak.

Selain itu, pengkaji lain yang mengkaji berkaitan dengan kawasan rekreasi ini ialah “Kajian Penyediaan Rekreasi Di Dalam Taman Perumahan Dari Perspektif Perundangan Dan Kehendak Pengunjung” oleh Fuziah Binti Mohd Yunus. Kajian penulis ini pula ialah berkaitan dengan penyediaan taman rekreasi ini memenuhi piawaian yang ditetapkan ataupun tidak dan mengkaji pandangan pengunjung terhadap kawasan rekreasi di kawasan mereka.

Dalam penulisan ini, kajian hanya memfokus kepada konsep pembangunan hutan bandar yang diterapkan dan dari segi pandangan pengunjung terhadap

kemudahan yang disediakan di kawasan hutan bandar ini. Bagi membolehkan pelaksanaan kajian ini berjalan dengan mudah dan lancar, serta mencapai objektif kajian yang digariskan maka skop dalam kajian ini telah ditetapkan. Kajian ini akan dilaksanakan di Hutan Bandar MPJBT dibawah pentadbiran MPJBT.

Kajian ini akan menumpukan kepada pandangan penduduk sekitar atau orang awam yang datang berkunjung ke Hutan Bandar MPJBT ini. Penulis akan mengkaji pandangan mereka dari segi kemudahan dan aktiviti-aktiviti yang ada dan dilaksanakan di hutan bandar tersebut. Melalui kajian ini, persoalan mengenai kesesuaian penyediaan hutan bandar di kawasan perumahan ini sesuai ataupun tidak akan diperolehi.

Pengkaji mengfokuskan ke arah ini kerana Hutan Bandar Mutiara Rini adalah merupakan salah satu hutan bandar yang terletak di kawasan perumahan. Terdapat lagi beberapa kawasan lain seperti Taman Pelangi Indah, Taman Awam Pasir Gudang, Taman Putra Kulai dan Taman di Nusajaya. Namun, pengkaji hanya ingin menfokuskan kepada satu sahaja kawasan kajian iaitu Hutan Bandar Mutiara Rini.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting dan berguna kepada pihak-pihak yang terlibat. Antara pihak-pihak tersebut ialah, PBT, pemaju dan penduduk atau orang awam itu sendiri. Hal ini kerana, kajian ini akan mengkaji konsep hutan bandar secara umumnya dan juga akan mengkaji pandangan penduduk sekitar mengenai penyediaan kemudahan yang terdapat di kawasan hutan bandar tersebut.

Hasil kajian ini akan memperoleh pandangan atau pendapat yang diutarakan oleh orang awam yang boleh diambil tindakan oleh PBT bagi menjamin kesesuaian penyediaan hutan bandar sebagai taman rekreasi di kawasan perumahan ini. Selain penyediaan kawasan lapang oleh pihak pemaju, PBT juga perlu menitiberatkan agar segala keperluan rakyat dapat dipenuhi dalam mewujudkan hutan bandar ini. Selain itu juga, PBT mestilah memastikan segala kemudahan yang disediakan untuk kegunaan orang ramai adalah bersesuaian dan mencukupi serta selse dan selamat untuk digunakan oleh semua golongan.

1.7 Metodologi Kajian

Bagi memastikan kajian dapat dijalankan dengan lebih sistematik dan teratur untuk mencapai objektif-objektif yang digariskan, maka satu perancangan yang teratur adalah amat diperlukan. Oleh yang demikian, dalam metodologi ini terdapat beberapa kaedah dan proses kerja yang akan dilakukan secara berperingkat-peringkat.

1.7.1 Peringkat Pertama

Peringkat pertama merupakan peringkat asas dalam kajian yang dilakukan. Ia merupakan pemahaman awal terhadap elemen-elemen dan perkara-perkara penting berkaitan dengan kajian yang hendak dijalankan. Ia melibatkan proses memahami pengenalan awalan kajian dan objektif yang hendak dicapai. Peringkat ini juga mengandungi pernyataan masalah, matlamat kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian serta metodologi kajian.

1.7.2 Peringkat Kedua

Peringkat kedua ini merupakan kajian literatur iaitu lebih kepada pembacaan untuk mendapatkan fakta-fakta dari kajian lepas. Fakta tersebut diperolehi daripada kajian-kajian lepas di dalam buku, artikel, buletin serta bahan-bahan rujukan lain yang dibincangkan berkaitan dengan tajuk yang dikaji. Perkara yang dibincangkan ialah berkaitan dengan definisi dan konsep berkaitan dengan objektif kajian.

1.7.3 Peringkat Ketiga


Peringkat ini melibatkan kawasan kajian. Penulis akan menerangkan kawasan kajian secara terperinci di dalam peringkat ini. Peringkat ini merupakan peringkat pengumpulan data yang terbahagi kepada data primer dan data sekunder. Data primer adalah termasuk pengamatan, pemerhatian dan temubual dengan pihak-pihak yang terlibat. Selain dari PBT iaitu MPJBT yang menguruskan kawasan kajian ini, penulis juga akan membuat soal-selidik terhadap pengguna iaitu penduduk sekitar atau orang awam yang berkunjung ke kawasan kajian. Hal ini supaya pandangan dan pendapat orang ramai ini akan diperolehi bagi membantu pihak berkuasa untuk mengenalpasti samada penyediaan hutan bandar di kawasan perumahan ini dapat memberi faedah ataupun tidak kepada semua orang. Selain itu, kajian samada segala kemudahan yang disediakan di kawasan ini adalah mencukupi dan selamat ataupun tidak kepada pengunjung dikenalpasti. Manakala data sekunder pula adalah data yang diperolehi daripada buku, jurnal, kertas seminar, keratan akhbar, buletin, laman web dan bahan rujukan yang lain.

1.7.4 Peringkat Keempat

Pada peringkat ini, penulis akan membuat penganalisaan pada data-data dan maklumat yang dikumpul. Data-data ini diperolehi oleh penulis daripada kajian yang dibuat di kawasan kajian. Dalam peringkat ini, penulis perlu memastikan hasil dari penganalisaan ini dapat mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan pada permulaan kajian. Antara data yang diambil ialah pandangan dan pendapat daripada pengunjung ataupun masyarakat sekeliling. Segala maklumat ini diperolehi di kawasan kajian, iaitu di Hutan Bandar MPJBT. Hasil daripada data yang diperolehi akan dianalisis dengan kaedah kuantitatif. Dengan kaedah kuantitatif ini, penulis telah memilih untuk menggunakan Kaedah Kekerapan dan Kaedah Skala Likert bagi mendapatkan hasil kajian dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)*.

1.7.5 Peringkat Kelima

Peringkat ini merupakan peringkat dimana cadangan dan kesimpulan bagi kajian ini dilaksanakan. Ia dibuat berdasarkan kepada analisis dan rumusan yang diperolehi. Penulis juga akan memberikan cadangan lanjutan kepada penulis akan datang supaya konsep hutan bandar di kawasan perumahan ini dapat memberikan banyak manfaat bagi kegunaan orang ramai. Bagi memastikan kajian dapat dijalankan dengan sempurna, maka rangka kerja telah disediakan seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.1 untuk ringkasan metodologi kajian.



Rajah 1.1 : Carta Aliran Kajian

Sumber : Kajian Penulis (2009)

1.8 Susun Atur Bab

Penyusunan kandungan dalam kajian ini akan dibuat dengan membahagikan kepada beberapa bab. Dalam Bab Satu, iaitu pendahuluan yang mengandungi pengenalan, pernyataan masalah, matlamat kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian dan jangkaan keputusan bagi kajian ini. Bab ini memberikan gambaran secara menyeluruh berkaitan kajian yang dibuat.

Bab Dua meliputi fungsi dan peranan hutan bandar sebagai kawasan rekreasi. Kandungannya merupakan kajian literatur yang dijalankan berdasarkan penulisan kajian lepas dan sumber lain yang diterbitkan. Ia mengandungi konsep serta kepentingan hutan bandar di kawasan perumahan ini serta faktor-faktor yang mempengaruhi kesesuaian hutan bandar di kawasan perumahan.

Bab Tiga pula membincangkan tentang faedah-faedah yang diperolehi berdasarkan kewujudan hutan bandar di kawasan perumahan. Ia memfokuskan kepada kawasan kajian iaitu Hutan Bandar MPJBT. Ia meliputi lokasi kawasan kajian tersebut, kemudahan-kemudahan, aktiviti-aktiviti yang ada serta keadaan persekitarannya.

Bab Empat mengandungi analisis ke atas pandangan dan pendapat orang awam terhadap kawasan kajian. Ia merupakan penganalisan terhadap data-data yang diperolehi daripada borang soal selidik yang diedarkan. Hasil soal selidik ini akan dihuraikan oleh penulis dengan menggunakan kaedah kuantitatif untuk menghuraikan segala pendapat dan pandangan daripada mereka.

Bab Lima merupakan bab yang terakhir iaitu mengenai rumusan, penemuan dan cadangan tentang penemuan hasil daripada kajian yang dijalankan. Rumusan dan cadangan-cadangan bagi kajian akan datang turut dinyatakan.

BIBLIOGRAFI

BUKU

Grey and Deneke(1931). *Urban Forestry*. United States Of America.

John E.Kuser(2000). *Urban and Community Forestry in The Northeast*. Springer.

Thomas Randrup and Others (2005). *Urban Forests and Trees*. The Netherlands.

Miller, Robert W. (1940). *Urban Forestry : Planning and Managing Urban Greenspaces*. United States Of America.

Jubenville Allan. (1976). *Outdoor Recreation Planning*. W.B Bunders Company.

Charles A.Buchers (1984). *Recreation For Today Society Second Edition*. Prentice Hall, Inc.

THESIS

Faizatul Marsyida Mohd Rahim (2000). *Keberkesanan Penyediaan Kawasan Rekreasi Sedia Ada Di Taman Perumahan*. Tesis Sarjana Muda Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

- Husaidi Mahali (2001). *Keperluan Kawasan Rekreasi Bagi Bandaraya Johor Bahru*. Tesis Sarjana Muda Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Mahfuzah Md Muslim (2007). *Keperluan Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti PBT Di MPJBT*. Tesis Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Firdaus Abdullah Sani (2005). *Cadangan Pembangunan Taman Ekologi Hutan Bandar Johor Bahru*. Tesis Sarjana Muda Senibina Landskap. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Wan Sufian Wan Mustapha (1993). *Kajian Keperluan Perancangan Rekreasi Bandar*. Tesis Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Sarimah Yaakob (1994). *Keberkesanan Penyediaan Kawasan Rekreasi dan Taman Permainan Kanak-kanak Di Kawasan Perumahan Terancang*. Tesis Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Suhaila Mohd Yusop (2007). *Pengurusan Kemudahan Hutan Rekreasi*. Tesis Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Masalinah Jamri (2007). *Kajian Terhadap Kaedah Penyelenggaraan Landskap Di Taman Perumahan*. Tesis Sarjana Muda Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Noor Hidayah Abd Thalib (2009). *Program Bumi Hijau Di Kawasan Taman Perumahan*. Tesis Sarjana Muda Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Fuziah Mohd Yunus (2004). *Kajian Penyediaan Kawasan Rekreasi Di Dalam Taman Perumahan Dari Perspektif Perundangan Dan Kehendak*

Pengunjung. Tesis Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Ajmali Hilalillail Hasan (2001). *Kajian Terhadap Pembangunan Sungai Sebagai Kawasan Rekreasi*. Tesis Sarjana Muda Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Mohd Faizal Mohd Ali (1996). *Cadangan Pelan Pembangunan Sungai Di Pusat Bandar*. Tesis Sarjana Muda Fakulti Alam Bina. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Nazri Sirat (1999). *Kajian Profil Pengunjung Sebagai Penjana Taman Rekreasi Hutan Bandar Daerah Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia. Diploma.

AKTA/ KAMUS

Kamus Dewan: Edisi Ketiga (2000). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Kamus Dwibahasa (2001). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/ 1965). International Law Book Services. Kuala Lumpur.

Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)

KERATAN AKHBAR

“Kerajaan Sudah Bangunkan 6 Hutan Bandar”. (2004,10 Disember). Berita Harian *Online*.

“Pembangunan Tidak Abai Aspek Alam Sekitar”. (2009,13 Mac).

<http://www.medkom.my/>.

LAMAN WEB

<http://www.forestry.gov.my/>

<http://www.mpjbt.gov.my>

<http://www.mutiararini.com.my>

<http://www.hmetro.com.my/>

<http://www.utusan.com.my>

<http://prpm.dbp.gov.my>

<http://ms.wikipedia.org>